

TERMA DAN SYARAT

PERTANDINGAN SIMPAN SSPN GOT TALENT

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Pertandingan Simpan SSPN *Got Talent* adalah pertandingan untuk mencungkil dan mengetengahkan bakat kanak-kanak.
3. **Pertandingan Simpan SSPN *Got Talent* ini terbuka kepada kanak-kanak yang mempunyai bakat berumur 10 - 12 tahun (kategori terbuka).**

TARIKH PERTANDINGAN

4. Pertandingan ini akan diadakan pada **14 Oktober 2023 (Sabtu)** bertempat di **Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru.**
5. Semua peserta hendaklah diiringi oleh ibu bapa, guru atau penjaga mereka sepanjang pertandingan.
6. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

7. Terdiri daripada **warganegara Malaysia.**
8. Pertandingan ini **LAYAK** disertai oleh semua pelanggan PTPTN **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
9. Kandungan persembahan mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.
10. Peserta perlu **mempunyai akaun Simpan SSPN yang dibuka dengan deposit minimum RM50.00 atau membuat penambahan simpanan minimum RM50.00 pada tarikh pertandingan** untuk mendapatkan **satu (1) penyertaan.**

SYARAT PERTANDINGAN

11. Persembahan hendaklah berbentuk **apa jua bakat** yang dimiliki seperti pandai bercerita, bersyair/ berpuisi, menari, menyanyi, silap mata, berlakon, melakukan aksi akrobatik seperti seni pertahanan diri (tanpa peralatan), *standup comedy* dan lain-lain.

12. Penyertaan adalah **secara individu sahaja**.
13. Peserta perlu membuat persembahan yang sopan, kreatif dan menarik sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris berdurasi maksimum **tiga (3) minit** sahaja.

PERATURAN LAGU IRINGAN, PAKAIAN DAN PERALATAN TAMBAHAN

14. Pakaian para peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
15. Peralatan tambahan yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan.
16. Lagu mestilah disampaikan dengan iringan muzik dan CD secara '*minus one*'. CD perlu diserahkan kepada urusetia pada masa pendaftaran.
17. Pilihan lagu, sebarang audio, peralatan dan persembahan **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, politik, menyentuh sensitiviti keagamaan dan perkauman serta melibatkan mana-mana agensi lain.
18. Pihak urus setia tidak bertanggungjawab dalam urusan penyediaan lagu iringan/ pakaian/ peralatan untuk peserta yang mengambil bahagian.

PEMILIHAN PEMENANG

19. Pemarkahan berdasarkan keunikan dan persembahan yang dinamik dari peserta.
20. Markah tambahan akan diberikan sekiranya persembahan yang dilakukan berkaitan dengan tema Menabung Bersama Simpan SSPN atau Penabungan.
21. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

| KATEGORI | PEMENANG | HADIAH TUNAI |
|---|----------|--------------------|
| Kategori 2 (10 - 12 tahun) (Terbuka) | Pertama | RM150 x 1 pemenang |
| | Kedua | RM120 x 1 pemenang |
| | Ketiga | RM100 x 1 pemenang |
| | Keempat | RM80 x 1 pemenang |
| | Kelima | RM50 x 1 pemenang |

22. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
23. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
24. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

24. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
25. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
26. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
27. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
28. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
29. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
30. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.

31. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
32. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh

**Pertandingan Simpan SSPN Got Talent
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023**

Maklumat dikemas kini pada 22 September 2023